

Headline	THT buru bekalan selesa bertemu Maybank		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Page No	69
ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,409		



## THT buru bekalan selesa bertemu Maybank

**Kuala Lumpur:** Kemena-  
ngan menjadi sasaran Te-  
rengganu Hockey Team  
(THT) apabila bertemu  
Maybank pada separuh  
akhir pertama Piala TNB  
hari ini dalam usaha juara  
bertahan itu memperoleh  
bekalan selesa menjelang  
aksi timbal balik, Jumaat  
ini.

Pertemuan THT-May-  
bank pada saingan sepa-  
ruh akhir kali ini adalah  
buat kali ketiga bertu-  
rut-turut dengan May-  
bank memenangi perla-  
wanan separuh akhir  
pertama pada dua edisi  
sebelum ini sebelum THT  
bangkit pada aksi timbal  
balik untuk menang se-  
cara agregat dan melang-  
kah ke pentas final.

Justeru, ketua jurulatih  
Sarjit Singh tidak mahu  
anak buahnya merekod-  
kan kekalahan kali ketiga  
berturut-turut pada aksi  
separuh akhir pertama  
apabila bertemu May-  
bank.

“Dua kali kami berte-  
mu Maybank di separuh  
akhir dan mereka berjaya  
memenangi kedua-dua

perlawanan pertama.

“Bermakna, Maybank  
bukan pasukan mudah  
untuk ditewaskan kerana  
mereka mampu ‘meram-  
pas’ satu kemenangan  
daripada dua aksi timbal  
balik separuh akhir de-  
ngan kami.

“Jadi harap kali ini kami  
dapat meraih keputusan  
lebih baik pada perlawaa-  
nan pertama,” katanya.

Jelas Sarjit, kejayaan  
mempertahankan kejuaa-  
raan Liga Perdana buat  
kali ketiga berturut-turut  
memberi suntikan sema-  
ngat kepada barisan pe-  
mainnya untuk memper-  
tahankan Piala TNB pula.

“Tapi sebenarnya kami  
melalui detik yang sangat  
sukar musim ini kerana  
gagal beraksi baik di awal  
saingan.

“Sehingga satu ketika,  
kami sendiri tak pasti sa-  
ma ada mampu layak ke  
saingan Piala TNB.

“Tapi ketika ini, setiap  
pemain berada pada  
prestasi terbaik dan ber-  
sedia turun untuk aksi se-  
paruh akhir pertama,”  
katanya.